

Tiada motif politik

Ⓟ U.M. 15 MAR 1993

LANGKAWI 14 Mac — Kehadiran tentera di Sabah adalah semata-mata untuk menjaga keselamatan dan sama sekali tidak bermotif politik, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Sehubungan itu beliau menegaskan, jumlah tentera di Sabah adalah seperti biasa dan bukan banyak seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak.

Bercakap kepada pemberita di lapangan terbang di sini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur petang ini, beliau menegaskan, Sabah mempunyai banyak masalah seperti kehadiran lanun serta perompak dan penyamun.

Keamanan

"Oleh itu kehadiran tentera adalah untuk memastikan keamanan dan ketenteraman terkawal, bukan bermotif politik," katanya yang membuat lawatan kerja sehari suntuk ke Langkawi hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian sebagai me-

ngulas kenyataan Panglima Lima Briged, Brig. Jen. Dato' Zelani Asmawi di Kota Kinabalu semalam mengenai adanya segelintir masyarakat di Sabah tidak senng dengan kehadiran anggota tentera dalam melaksanakan tanggungjawab menjaga keselamatan.

Mengulas mengenai la-

ngkah Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) menarik balik kemudahan perkhidmatan kepada raja-raja, Perdana Menteri berkata, terpujang kepada TUDM membuat keputusan tersebut.

Beliau bagaimanapun berkata, kemudahan ini tidak ada dalam peruntukan perlembagaan.

Diminta mengulas mengenai 'pertikaman lidah' antara Menteri Undang-undang, Syed Hamid Albar dengan Ketua Hakim Negara, Tun Hamid Omar, beliau berkata ia adalah perbezaan pendapat.

Syed Hamid sebelum ini menyarankan mahkamah menjatuhkan huku-

man bersesuaian dengan keadaan semasa dan kepentingan awam.

Hamid Omar pula berkata, mahkamah adalah pelaksana polisi dan hukuman yang dijatuhkan adalah berdasarkan undang-undang yang digubal oleh Parlimen.

Lawatan

Menurut Perdana Menteri, pandangan kepentingan awam bagi orang awam mungkin berlainan dengan pandangan awam bagi hakim.

Sementara itu, dalam lawatannya hari ini Perdana Menteri meninjau projek pembinaan Hotel Berjaya Premier Resort di Teluk Burau yang dimajukan oleh Berjaya Leisure Berhad anak syarikat Berjaya Corporation.

Projek tersebut yang menelan belanja RM60 juta mengandungi 300 bilik dan dijangka siap November ini.

Beliau juga melawat Projek Pembinaan Marina di Pulau Rehak, Empangan Pedu, Tapak Lima dan Taman Buaya di Teluk Datai